

# Agropelancongan berjaya tarik pengunjung tempatan, Singapura

**L**OKASI strategik UK Agrotourism Sdn Bhd atau UK Farm di Kluang berhampiran Singapura menyediakan kelebihan kepada pemiliknya, Goh Un Keng, 46, memajukan sektor pelancongan berasaskan penternakan dan pertanian.

Dengan keluasan ladang 40 hektar yang dipenuhi padang ragut, tapak rumput napier, kandang kambing dan ladang markisa, Un Keng mengambil inisiatif memajukan sektor agropelancongan khusus untuk menarik kehadiran pelancong Singapura dan tempatan pada 2009.

"Saya mendapat idea memajukan sektor agropelancongan selepas saya menanam pokok markisa yang boleh digunakan sebagai makanan kambing. Najis kambing, saya gunakan sebagai baja.

"Buah markisa diproses dijadikan jus, manakala kulitnya boleh dijual sebagai makanan tambahan untuk kambing.

"Saya membina dua calet mengandungi 19 bilik. Untuk memenuhi permintaan pelancong secara berkumpulan, saya membina sebuah asrama yang boleh memuatkan 250 orang pada satu-satu masa," katanya.

Selain menikmati pemandangan indah berlatarbelakangkan kehijauan padang ragut jenis Purple Guinea di kawasan seluas 18 hektar dan rumput napier di kawasan seluas 10 hektar, pelancong juga turut terhibur ketika mengunjungi ladang markisa seluas 12 hektar.

Dengan menaiki bas mini tanpa dinding dan hanya beratapkan daun nipah, pelancong dibawa bersiar-siar selama tiga jam di seluruh ladang. Bermula dengan meninjau kaedah menghasilkan bahan makanan untuk kambing melalui kombinasi hampas kacang soya dengan beberapa bahan lain, pelancong turut diberi penjelasan mengenai kaedah penternakan Fidlot.

Selepas meninjau kambing di kandang dan kaedah penghasilan bahan makanan haiwan ternakan itu, pelancong dibawa bersiar-siar di ladang markisa sebelum menyaksikan kambing yang dihambat keluar dari kandang berlari laju ke padang ragut. Sambil menyaksikan kambing meragut, pelancong turut dibenarkan menghampiri kambing untuk mengusap kepala dan badan kambing.

Bagi mereka yang ingin mengambil peluang menyuap botol susu ke mulut anak kambing, UK Farm menyediakan peluang itu. Begitu juga dengan pelancong yang ingin menaiki kereta kuda untuk bersiar-siar menikmati pema-



*Saya merayu kepada kerajaan untuk membantu menurap jalan berkenaan kerana ia bukan setakat memudahkan perhubungan bagi saya dan pengusaha ladang lain yang terbabit dalam projek ini, malah memastikan industri pelancongan memberi pulangan besar kepada ekonomi Johor dan negara*

**Goh Un Keng**  
Pemilik UK Agrotourism Sdn Bhd

ngan indah.

"Ramai pelancong, terutama dari Singapura mengucapkan terima kasih kepada saya kerana memberi peluang kepada mereka untuk menikmati keindahan alam semula jadi. Bagaimanapun, ramai juga yang merungut mengenai jalan tidak berturap sepanjang 6.3 kilometer dari pintu masuk Projek Pertanian Moden ke ladang kami.

"Saya merayu kepada kerajaan untuk membantu menurap jalan berkenaan kerana ia bukan setakat memudahkan perhubungan bagi saya dan pengusaha ladang lain yang terbabit dalam projek ini, malah memastikan industri pelancongan memberi pulangan besar kepada ekonomi Johor dan negara," katanya.

## Projek Pertanian Moden Kluang, Johor

■ Dilancarkan Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 12 Februari 2004.

■ 3,609.2 hektar – keluasan keseluruhan kawasan.

■ 1,280.8 hektar – Ternakan Haiwan Padang Hijau.

■ 2,237.5 hektar – Institut Haiwan dan Pusat Ternakan Haiwan Ayer Hitam.

■ 81,268.8 hektar – Institut Pertanian Ayer Hitam.

■ UK Agrotourism Sdn Bhd atau UK Farm.

■ 40 hektar – keluasan keseluruhan.

■ 5,000 – kambing.

■ Mengeluarkan daging dan susu kambing.

■ Produk hiliran – ais krim, kopi, biskut dan coklat.

■ Agropelancongan – menyediakan chalet dan pemandangan indah di ladang ragut.